

**PERLEMBAGAAN BAGI  
PERTUBUHAN INDUK**  
**PERSATUAN KEBAJIKAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**  
(PPM-007-16-19102005)

**FASAL 1 NAMA**

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

**PERSATUAN KEBAJIKAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

(2) Takrif Nama :

(3) Taraf Pertubuhan : **Lain-lain**

**FASAL 2 TEMPAT URUSAN**

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**IBU PEJABAT, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA, LEBUH  
WAWASAN, PRESINT 7  
62250 PUTRAJAYA  
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**IBU PEJABAT, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA, LEBUH  
WAWASAN, PRESINT 7  
62250 PUTRAJAYA  
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

**FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT**

Tujuan Pertubuhan ini ialah untuk memberikan bantuan wang kepada ahli atau tanggungan ahli bila berlaku kematian, sakit dan bencana alam diantara mereka

**FASAL 4 KEAHLIAN**

Ahli-ahli Pertubuhan ini terbuka kepada kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang bermastautin di Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas atau tidak lebih 60 tahun.

Kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang ingin menjadi ahli hendaklah memohon dan mendaftar namanya, nama tanggungannya lengkap dengan umur dan alamat kepada Setiausaha. Mesyuarat Jawatankuasa berkuasa meluluskan atau menolak permohonan untuk menjadi ahli.

## FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

Pemecatan Ahli-ahli Jawatankuasa dan pemilihan pengantinya boleh dilakukan di dalam Mesyuarat Agung Khas. Mesyuarat Jawatankuasa boleh melantik pemangku bagi jawatan-jawatan yang kosong kerana Ahli-ahli Jawatankuasa yang berhenti atau meninggal dunia.

## FASAL 6 SUMBER KEWANGAN

### 6.1. Yuran

6.1.1. Tiap-tiap ahli baru hendaklah membayar wang pendaftaran sebanyak RM 10.00 untuk menjadi ahli.

6.1.2. Tiap-tiap ahli hendaklah membayar yuran bulanan sebanyak RM 2.00

6.1.3. Sebanyak RM 0.40 sen daripada yuran bulanan ahli hendaklah digunakan untuk perbelanjaan pentadbiran. Kira-kira tersebut hendaklah diasingkan daripada kewangan tabungan.

6.1.4. Ahli-ahli yang tidak membayar yuran bulanan selama 3 bulan berturut-turut atau 3 kali dalam setahun tanpa sebarang sebab yang munasabah akan dianggap telah berhenti menjadi ahli dan namanya akan dipotong dalam buku daftar ahli.

6.1.5. Ahli-ahli yang berhenti atau diberhentikan atau berpindah dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia secara otomatis keahliannya akan diberhentikan dari persatuan ini.

### 6.2. Sumbangan-sumbangan kewangan

6.2.1. Sumbangan-sumbangan kewangan daripada luar sama ada dari sumbangan perseorangan atau persatuan boleh diterima oleh tabung ini untuk dijadikan wang tabung.

## FASAL 7 MESYUARAT AGUNG

7.1. Mesyuarat Agung Dwi Tahunan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin selepas akhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31 Mac tiap-tiap tahun. Notis mesyuarat termasuk salinan laporan tahunan dan penyata kira-kira yang diluluskan oleh pendaftar bagi tahun yang lalu hendaklah diedarkan kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum diadakan mesyuarat.

7.2. Perkara-perkara yang hendak diuruskan dalam Mesyuarat Agung Dwi Tahunan ialah:-

- i. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung dua tahun yang lalu.
- ii. Menerima laporan Jawatankuasa berkenaan kerja-kerja Pertubuhan di dalam dua tahun yang lalu.
- iii. Menerima penyata kira-kira bagi tahun yang lalu.
- iv. Melantik Ahli-ahli Jawatankuasa dan Pemeriksa Kira-kira untuk dua tahun berikut dan
- v. Menguruskan lain-lain perkara yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.

7.3. Mesyuarat Agung Dwi Tahunan hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh ahli-ahli yang berjumlah tidak kurang dari tiga kali jumlah Ahli Jawatankuasa.

7.4. Mana-mana ahli yang tidak hadir di dalam Mesyuarat Agung Dwi Tahunan bolehlah menghantar 'proxy' secara bertulis atau wakilnya kepada Setiausaha sebelum Mesyuarat Agung dijalankan.

## FASAL 8 JAWATANKUASA

8.1. Kuasa tertinggi di dalam Pertubuhan ini terletak di atas Mesyuarat Agung Dwi Tahunan. Mesyuarat Agung Dwi Tahunan ahli-ahli hendaklah melantik Ahli-Ahli Jawatankuasa untuk mentadbir perjalanan Pertubuhan untuk sehari-hari. Mereka ini akan memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Dwi Tahunan yang akan datang. Ahli-Ahli Jawatankuasa itu mengandungi:-

- i. Seorang Yang Di Pertua
- ii. Seorang Timbalan Yang Di Pertua
- iii. Seorang Setiausaha (dilantik Oleh Yang Di Pertua)
- iv. Seorang Penolong Setiausaha (dilantik Oleh Setiausaha dengan Persetujuan Yang Di Pertua)
- v. Seorang Bendahari
- vi. Seorang Penolong Bendahari (dilantik Oleh Bendahari dengan Persetujuan Yang Di Pertua)
- vii. Lima Orang Ahli Jawatankuasa
- viii. Seorang Pegawai IT(dilantik Oleh Setiausaha dengan Persetujuan Yang Di Pertua)

8.2. Semua ahli yang berkhidmat di dalam Jawatankuasa dan tiap-tiap pegawai lain yang menjalankan tugas-tugas pemerintahan di dalam Pertubuhan ini hendaklah warganegara Malaysia.

8.3. Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh semua ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Dwi Tahunan. Semua pegawai-pegawai boleh dilantik semula tiap-tiap tahun.

8.4. Ahli-ahli Jawatankuasa yang dilantik diberi kuasa melantik tidak lebih daripada tiga(3) orang wakil Persatuan di setiap negeri kecuali seorang sahaja bagi Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak.

## FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

### 9.1. Yang Di Pertua

Yang Dipertua dalam masa jawatannya, hendaklah menjadi Pengurus semua Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung serta mempunyai kuasa menandatangani cek persatuan.

### 9.2. Timbalan Yang Di Pertua

Membantu Yang Dipertua menyeliakan urusan Pentadbiran Pertubuhan. Dalam Masa ketiadaan Yang Dipertua, ia akan mempengerusikan segala mesyuarat-mesyuarat dan juga menjalankan tugas-tugas Yang Dipertua serta mempunyai kuasa menandatangani cek persatuan.

### 9.3. Setiausaha

Menguruskan segala surat menyurat bagi pihak Pertubuhan, menyimpan segala peringatan-peringatan Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung, menjaga buku-buku peringatan tentang perjalanan Pertubuhan, mengadakan buku daftar ahli-ahli dan menjalankan tugas-tugas lain yang patut diselenggarakan oleh Setiausaha serta mempunyai kuasa menandatangani cek persatuan.

### 9.4. Penolong Setiausaha

Akan membantu Setiausaha dalam menjalankan kerja-kerjanya.

### 9.5. Bendahari

Akan memungut segala yuran Pertubuhan, menyimpan buku yuran dan buku kira-kira wang masuk dan wang keluar serta menyediakan butiran berikut:-

#### I. Penyata kira-kira bulanan dan

II. Penyata kira-kira tahunan berakhir 31 Disember. Penyata kira-kira ini hendaklah diperiksa dan disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira yang dilantik dalam Mesyuarat Agung Dwi Tahunan. Bendahari tidak dibenarkan menyimpan wang tunai di tangannya lebih dari RM 1,500.00 pada satu-satu ketika dan semua wang yang lebih daripada itu hendaklah dimasukkan ke dalam buku bank-bank yang telah dipersetujui oleh jawatankuasa. Ia bertanggungjawab berkenaan dengan segala

yang diterima dan dibayar serta diberikuasa menandatangani cek bagi pihak Pertubuhan bersama-sama Yang Dipertua atau Timbalan Yang Dipertua atau Setiausaha. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Pertubuhan.

#### 9.6. Penolong Bendahari

Akan membantu Bendahari dalam menjalankan kerja-kerjanya.

#### 9.7. Ahli Jawatankuasa Biasa

Hendaklah hadir di dalam mesyuarat-mesyuarat dan menolong pegawai-pegawai yang di atas itu menjalankan tugas-tugas mereka.

#### 9.8. Wakil-Wakil Negeri

Dilantik untuk menguruskan tugas-tugas perlu yang berkaitan dengan Pertubuhan ini terutamanya di dalam pengurusan, pengesahan dan penyaluran bantuan dan wakil-wakil yang dilantik bolehlah hadir di dalam mana-mana Mesyuarat Jawatankuasa jika perlu.

### FASAL 10 KEWANGAN

Sesuatu perbelanjaan yang tidak lebih dari RM 2,000.00 bolehlah dibenarkan oleh Bendahari bersama-sama dengan Yang Dipertua atau Timbalan Yang Dipertua atau Setiausaha dan disahkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa kemudian. Sesuatu perbelanjaan yang lebih daripada RM 2,000.00 tidak boleh dilakukan sebelum diluluskan terlebih dahulu oleh Mesyuarat Jawatankuasa dan sesuatu perbelanjaan yang lebih daripada RM 5,000.00 tidak boleh dilakukan sebelum diluluskan oleh Mesyuarat Agung. Walau demikian pembayaran bantuan yang ditetapkan dalam fasa 20 di atas tidak tertakluk kepada sekatan ini dan boleh dibayar seterusnya jika syarat-syarat mendapat bantuan telah sempurna.

### FASAL 11 JURUAUDIT

Dua (2) orang yang bukannya Ahli-ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung Dwi Tahunan sebagai pemeriksa kira-kira. Mereka dikehendaki memeriksa kira-kira Pertubuhan bagi dua tahun dan membuat laporan untuk Mesyuarat Agung Dwi Tahunan. Mereka boleh juga memeriksa kira-kira pertubuhan pada bila-bila masa juga jika difikirkan perlu oleh Yang Dipertua. Sekurang-kurangnya sekali tiap-tiap tahun kira-kira pertubuhan hendaklah dikemukakan untuk diauditkan oleh seorang audit yang diluluskan terlebih dahulu oleh Pendaftar Pertubuhan.

### FASAL 12 PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH

12.1. Tiga (3) orang Pengamanah yang berumur lebih daripada 1 tahun (keahlian) hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Pertubuhan. Kepada mereka akan diamanahkan semua

harta tetap dan pelaburan kumpulan wang pertubuhan. Seorang ahli yang memegang jawatan Setiausaha dan Bendahari dalam Pertubuhan ini tidak boleh dilantik menjadi Pengamanah.

12.2. Suatu salinan ketetapan melantik seseorang pemegang amanah yang ditandatangani oleh Pengamanah yang dilantik dan disahkan oleh Setiausaha hendaklah dihantar kepada Pendaftar.

12.3. Seseorang Pengamanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siuman, tidak berada di dalam negeri atau kerana sebab yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau perlucutan jawatan bagi seseorang maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh Pengamanah yang baru dilantik di dalam Mesyuarat Agung.

## **FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN**

Di antara mesyuarat-mesyuarat Agung, Mesyuarat Jawatankuasa boleh memberi tafsiran kepada undang-undang ini dan memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini. Keputusan Jawatankuasa itu adalah muktamad jika tidak atau sehingga dirombak oleh keputusan Mesyuarat Agung.

## **FASAL 14 PENASIHAT / PENAUNG**

TIDAK BERKENAAN

## **FASAL 15 LARANGAN**

TIDAK BERKENAAN

## **FASAL 16 PINDAAN PERLEMBAGAAN**

Segala pindaan kepada undang-undang ini hendaklah diluluskan di dalam Mesyuarat Agung oleh ahli-ahli yang hadir dengan suara terbanyak, akan tetapi pindaan kepada undang-undang yang akan mengurangkan bantuan yang ditetapkan di dalam undang-undang ini hanya boleh dibuat dengan persetujuan tiga suku daripada jumlah ahli-ahli pertubuhan dengan cara undi sulit. Permohonan untuk perubahan-perubahan atau pindaan-pindaan hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan di dalam masa 28 hari dari tarikh keputusan hendak membuat perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dijalankan kuatkuasanya mulai daripada perubahan-perubahan dan pindaan-pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

## **FASAL 17 PEMBUBARAN**

Pertubuhan ini tidak boleh dibubarkan melainkan dengan persetujuan 3/4 daripada ahli-ahli Pertubuhan ini didalam Mesyuarat Agung yang diadakan khas kerana itu. Apabila keputusan telah diambil untuk membubarkan Pertubuhan ini, maka segala hutang dan piutang yang sah hendaklah dibahagi-bahagikan mengikut keputusan Mesyuarat Agung untuk membubarkan Pertubuhan ini. Pembubaran itu hendaklah diberitahu kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pembubaran.

## FASAL 18 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA

### 1. Bendera

-

Keterangan

-

### 2. Lambang



Keterangan

8.1. Lambang Pertubuhan ini berbentuk bulatan di mana terdapat perkataan "PERSATUAN KEBAJIKAN" pada bahagian atas bulatan dan perkataan "JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA" pada bahagian bawah bulatan. Bahagian dalam bulatan mengandungi gambar helmet bomba dan dua kapak silang di atas dua tangan yang menjulang dan dikelilingi oleh lingkaran bunga padi. Lambang ini juga terdiri daripada lima warna iaitu putih, kuning, biru, merah dan hitam. Keterangan lambang ini adalah seperti berikut:-

8.2. Helmet Bomba dan Kapak Silang bermaksud

Keahlian persatuan yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

8.3. Dua Tangan Yang Menjulang bermaksud

Peranan persatuan dalam mencapai objektif setiap ahli.

8.4. Lingkaran Bunga Padi bermaksud

Kesatuan setiap ahli yang berbilang bangsa.

8.5. Warna Putih bermaksud

Ketulusan hati setiap ahli yang menyumbang.

8.6. Warna Kuning bermaksud

Sistem pengurusan persatuan yang berkualiti.

8.7. Warna Biru bermaksud

Keunggulan persatuan dalam menyalurkan bantuan kepada ahli.

8.8. Warna Merah bermaksud  
Pengorbanan setiap ahli dalam membangunkan persatuan.

8.9. Warna Hitam bermaksud  
Keutuhan di dalam mengharungi cabaran.

3. Lencana

-

Keterangan

-

## FASAL 19 FAEDAH

19.1. Membantu ahli jika berlaku kematian ke atas dirinya, isteri/suami, anak-anaknya, anak-anak angkat yang berdaftar.

19.2. Membantu ahli-ahli yang ditimpa kemalangan yang mengakibatkan kecederaan sehingga berlaku kecacatan anggota tubuh badan.

19.3. Membantu ahli yang kerugian dan kehilangan harta benda akibat kecelakaan seperti kebakaran atau akibat bencana alam seperti banjir atau ribut taufan.

## FASAL 20 KAEADAH BANTUAN

20. Bantuan-bantuan kematian, sakit dan bencana alam akan dibayar Cuma kematian ahli dan tanggungan ahli, kecacatan anggota tubuh badan ahli dan kerugian dan kehilangan harta benda akibat kecelakaan seperti kebakaran atau akibat bencana alam seperti banjir atau ribut taufan yang menimpa ahli yang namanya ada di dalam daftar yang disimpan oleh Setiausaha dengan syarat ada surat mati yang sah dan lain-lain dokumen yang sah. Atas kematian tanggungan, bantuan akan dibayar kepada warisnya. Setiap ahli akan mendapat faedah bantuan bagi kematian ahli, isteri atau suami ahli dan anak ahli.

20.1. Kematian

20.1.1. Atas kematian ahli RM 3,000.00.

20.1.2. Atas kematian isteri/suami ahli RM 2,000.00.

20.1.3. Atas kematian anak ahli yang berumur 21 tahun ke bawah RM 1,000.00.

20.1.4. Atas kematian anak ahli yang mempunyai kelainan upaya (OKU) RM 1,000.00.

20.2. Keilatan Akibat Kemalangan Atau Sakit

20.2.1. Atas keilatan akibat kemalangan atau sakit sehingga hilang saraan RM 2,000.00.

20.2.2. Atas keilatan akibat kemalangan atau sakit dan tidak hilang saraan RM 600.00 (Rujuk Lampiran 1 Persatuan Kebajikan JBPM).

### 20.3. Becana Alam

20.3.1. Atas Kerugian dan kehilangan harta benda akibat kecelakaan seperti kebakaran atau bencana alam seperti ribut taufan yang mengakibatkan kerugian RM 5,000.00 dan ke atas RM 1,000.00.

## FASAL 21 MESYUARAT JAWATANKUASA

21.1. Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diadakan sekurang-kurangnya Empat (4) bulan sekali dan boleh diadakan juga pada bila-bila masa pun jika difikirkan perlu oleh Yang Di Pertua.

21.2. Notis dan agenda untuk Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diedarkan kepada semua Ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya 7 hari sebelum diadakan mesyuarat.

21.3. Mesyuarat Jawatankuasa hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh tidak kurang setengah jumlah Ahli Jawatankuasa.

## FASAL 22 MESYUARAT AGUNG KHAS

22.1. Mesyuarat Agung Khas atau Tergempar boleh diadakan pada bila-bila masa pun apabila difikirkan mustahak oleh Mesyuarat Jawatankuasa atau mestilah diadakan oleh Setiausaha dalam tempoh 30 hari setelah menerima permintaan bertulis yang ditandatangai oleh tidak kurang dari 1/5 daripada jumlah ahli yang menerangkan sebab-sebab hendak diadakan mesyuarat itu.

22.2. Notis dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 7 hari sebelum diadakan mesyuarat.

22.3. Mesyuarat Agung Khas hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh ahli-ahli yang berjumlah tidak kurang dari 3 kali jumlah Ahli-ahli Jawatankuasa.

## FASAL 23 PERKARA AM

23.1. Seorang ahli boleh menamakan sebagai orang yang akan menerima wang tuntutan dari golongan yang disebutkan selepas ini. Suami, Isteri, Anak (termasuk anak angkat), Cucu, Ibu, Bapa, Ibu Mertua, Bapa Mertua, Menantu, Saudara Seibu dan Sebapa, anak Saudara Seibu dan Sebapa, Ibu Saudara Seibu dan Sebapa, Anak kepada Bapa atau Ibu Saudara Seibu atau Sebapa kepada ahli dengan

syarat seseorang ahli yang ditandatangani sendiri di hadapan dan disaksikan oleh seorang Jaksa Pendamai atau Majistret atau Pendaftar.

23.2. Tiap-tiap ahli hendaklah diberi dengan percuma satu salinan undang-undang pertubuhan ini apabila diterima menjadi ahli. Orang-orang lain sama ada ahli atau tidak, boleh diberikan satu salinan undang-undang berdaftar pertubuhan ini apabila diminta dan dibayarnya wang sebanyak tidak lebih daripada RM 1.00.

23.3. Buku-buku berkenaan pertubuhan ini dan daftar ahli-ahli boleh diperiksa sebarang ahli atau seseorang yang mempunyai sesuatu kepentingan dalam kumpulan wang pertubuhan dengan syarat memberitahu Setiausaha 5 hari terlebih dahulu.

23.4. Ahli-ahli yang ada kemosykilan terhadap Pegawai-pejawai Pertubuhan ini boleh mengemukakan kemosykilan di dalam Mesyuarat Agung. Bekas ahli dan mereka yang ada sangkutan dengan pertubuhan ini boleh mengemukakan kemosykilan di dalam Mesyuarat Agung melalui ahli pertubuhan.

23.5. Sesuatu perbelanjaan yang tidak lebih dari RM 2,000.00 bolehlah dibenarkan oleh Bendahari bersama-sama dengan Yang Dipertua atau Timbalan Yang Dipertua atau Setiausaha dan disahkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa kemudian. Sesuatu perbelanjaan yang lebih daripada RM 2,000.00 tidak boleh dilakukan sebelum diluluskan terlebih dahulu oleh Mesyuarat Jawatankuasa dan sesuatu perbelanjaan yang lebih daripada RM 5,000.00 tidak boleh dilakukan sebelum diluluskan oleh Mesyuarat Agung. Walau demikian pembayaran bantuan yang ditetapkan dalam fasa 20 di atas tidak tertakluk kepada sekatan ini dan boleh dibayar seterusnya jika syarat-syarat mendapat bantuan telah sempurna.

23.6. Ahli yang sengaja melanggar undang-undang pertubuhan ini atau berkelakuan tidak baik sehingga mencemarkan nama baik atau mendatangkan kerugian kepada Pertubuhan ini boleh dipecat dari menjadi ahli oleh Mesyuarat Jawatankuasa. Sebelum dipecat ahli iaitu mestilah diberitahu dengan bertulis tentang sebab-sebabnya ia hendak dipecat dan diberi peluang untuk memberi apa-apa penjelasan yang ada dengan bertulis atau menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan khas kerananya. Jika 2/3 ahli-ahli Jawatankuasa yang hadir dalam mesyuarat mengundi menyokong pemecatan maka ahli itu boleh, jika tidak puas hati merayu kepada Mesyuarat Agung mengikut ceraian 4 di atas.

23.7. Ahli-ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli pertubuhan ini hendaklah memberikan pernyataan yang bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan membayar segala hutang-hutangnya.

23.8. Lima Puluh Peratus (50%) daripada kumpulan-kumpulan wang pertubuhan yang tidak segera dikehendaki untuk membayar faedah-faedah bolehlah dilaburkan dalam cagaran-cagaran amanah atau dengan persetujuan Pendaftar atas syarat-syarat sebagaimana yang dikenakkannya, bagi membeli tanah.